

13 MAY 1998

CHIRAC KATA MALAYSIA AKAN ATASI KRISIS EKONOMI TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Presiden Perancis Jacques Chirac berkata beliau yakin negara-negara Asia Tenggara, terutamanya Malaysia, akan mengatasi krisis ekonomi dalam jangka masa yang singkat.

Beliau menyatakan kagum terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menyokong usaha-usahanya untuk membawa Malaysia keluar dari kemelut ekonomi sekarang.

Chirac berkata demikian dalam perbualannya dengan duta baru Malaysia ke Perancis Dr Rajmah Hussain yang sebelum itu menyampaikan watakannya sebagai Duta Istimewa dan Mutlak ke Perancis kepada Chirac di Istana Elysee Selasa.

Satu kenyataan daripada Kedutaan Malaysia di Paris berkata semasa perbualan itu Dr Rajmah mengulangi komitmen Malaysia untuk memperkukuhkan hubungan dengan Perancis.

Dalam kata balasnya Chirac melahirkan harapan yang sama untuk mempertingkatkan lagi hubungan antara kedua-dua negara.

Dr Rajmah 47, menggantikan Mohamad Haron yang bersara.

Sebelum pelantikkannya ke Perancis, Dr Rajmah ialah timbalan ketua misi Malaysia di Washington selama empat tahun.

-- BERNAMA

MT WAT